

Authors: Abd Naddin Hj. Shaiddin

News: Utusan Borneo

Date: 27 May 2010

Language: Malay

Subject: Economy

Page: A2



**CENDERAMATA...** Ag Buhtamam menyampaikan cendrenekangan kepada Dr. Kassim, turut disaksikan oleh Ahli Jawatankuasa DPMM Sabah.

*economy*

## DPMM dan UMS bangunkan program usahawan

Oleh **ABD NADDIN HJ SHAIDDIN**  
abdnaddin@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Sabah bercadang untuk mengadakan usahasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mengadakan program pembangunan usahawan dengan para pelajar universiti itu.

Yang Dipertua DPMM Sabah, Datuk Ag. Buhtamam Ag. Mahmud, berkatapihaknya menerusi Dewan Muda akan

bersama-sama membantu bagi penyediaan keperluan serta peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh para pelajar UMS.

"Mereka (para pelajar UMS) juga boleh turut serta dalam program-program yang dianjurkan oleh DPMM Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai rombongan Ahli Jawatankuasa DPMM Sabah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni (HEPA) UMS, Prof. Madya Dr. Kassim Mansur di UMS kelmarin.

Ag Buhtamam berkata, penganjuran seminar kerjaya dan kaunseling bagi pelajar tahun akhir dan graduan lepasan UMS yang berminat menjadi usahawan juga akan turut diadakan.

Selain itu, katanya, pihaknya juga akan mengenalpasti potensi dan peluang-peluang perniagaan yang terdapat di UMS untuk diterokai oleh ahli-ahli DPMM Sabah

serta mengadakan program penyelidikan bersama.

Pihak DPMM Sabah juga turut melantik Dr. Kassim sebagai Penasihat DPMM Sabah.

Turut hadir pada kunjungan itu, Naib Yang Dipertua DPMM Sabah, Mohd Zulfikar Ahmad, Setiausaha Kehormat, Mohd Ghazali Mohd Nadzir dan Ahli Jawatankuasa DPMM Sabah serta Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan UMS, Mat Salleh Ayub.